

## Khairul, Ain Najwa olahragawan USIM 2014

**P**ELAJAR Fakulti Pengajian Qur'an dan Sunnah (FPQS), Khairul Rozikin Abu Kassim, dan pelajar Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) Ain Najwa Mohd Latif masing-masing dinobatkan sebagai olahragawan dan olahragawati Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) 2014.

Pemilihan mereka berdua sebagai penerima anugerah berprestij ini diumumkan dalam Majlis Anugerah Sukan USIM 2014 yang berlangsung di Dewan Besar USIM baru-baru ini.

Sebanyak 20 anugerah disampaikan antaranya Anugerah Khas Pencapaian Cemerlang, Anugerah Bintang Harapan, Anugerah Pengurus Terbaik, Anugerah Jurulatih Terbaik, Anugerah Pasukan Terbaik dan Anugerah Pasukan Harapan.

Khairul yang berasal dari Selangor menyinar dalam acara futsal apabila mewakili Malaysia ke Sukan Universiti Asean kali ke-17 di Palembang, Indonesia pada tahun lalu dengan menghadihkan negara dengan pingat gangsa.

Beliau yang juga bekas pemain bawah 19 tahun Felda United kini aktif sebagai pemain bola sepak dalam Liga Felda Kebangsaan melahirkan rasa syukur kerana anugerah diterima ini merupakan pengiktirafan kedua diterima beliau selepas turut dipilih sebagai penerima Anugerah Atlet Terbaik Majlis Sukan Universiti-universiti Malaysia (MASUM) dalam Majlis Anugerah MASUM 2014 di Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) yang disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pendidikan II, P. Kamalanathan.

Sementara itu pula, Ain Najwa, mewakili USIM dalam acara Pencak Silat dalam Kejohanan Silat MASUM tahun lalu dan berjaya menggondol pingat perak, ternyata memberi tuah kepadanya untuk dipilih sebagai olahragawati USIM kali ini.

Dalam pada itu, Kakitangan Jabatan Keselamatan, Shah Ruddin Harun dan Wan Azura Radzuan, daripada Jabatan Perpustakaan dipilih sebagai olahragawan dan olahragawati bagi kategori kakitangan. Shah Ruddin



**DR. MUSA AHMAD** (kiri) beramah mesra dengan penerima anugerah olahragawan dan olahragawati USIM baru-baru ini.

menghadihkan pingat perak dalam acara tarik tali Sukan Kakitangan Universiti-universiti Malaysia (SUKUM) manakala Wan Azura atas pencapaiannya berstatus Master Tenpin Bowling.

Kejayaan ini merupakan anugerah olahragawati kedua diterimanya selepas kali pertama pada 2014. Kesemua mereka membawa pulang piala pusingan, trofi dan sijil penghargaan.

Majlis anjuran Pusat Sukan ini

merupakan platform untuk menghargai sumbangan dan komitmen yang diberikan oleh atlet khususnya dan dalam pembangunan sukan USIM sepanjang 2014 diperingkat kebangsaan dan antarabangsa.

Pada majlis yang sama juga, Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan, Datuk Prof. Dr. Asma Ismail, diberikan penghargaan Anugerah Tokoh Sukan atas komitmen dalam membantu

pembangunan sukan USIM khususnya ketika menjawat jawatan Naib Canselor USIM sebelum ini.

Selain itu, Syarikat Asia Pasific Sdn Bhd pula iaitu pengedar bola jenama Molten dipilih perima Anugerah Rakan Sukan atas sumbangan dalam menyayakan Kempen "Satu Bola Sejuta Harapan".

Kesemua penerima anugerah dalam majlis ini diraikan oleh Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad.